



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 12 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INPUT PERTANIAN MAHAL, PETANI DISARAN GUNA BAJA, RACUN ORGANIK, UM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4.	LARANGAN ANTIBIOTIK JAMIN KESELAMATAN MAKANAN, BH -ONLINE LEMBAH TENUSU LMS JADI HAB PENGELUARAN SUSU TERBESAR DI PERAK, SH -ONLINE LARANGAN GUNA 6 ANTIBIOTIK DALAM MAKANAN HAIWAN TINGKAT ASPEK KESELAMATAN, NASIONAL, BH -17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5.	FAMA TERENGGANU GUARANTEES SUFFICIENT RAW MATERIALS, BERITA NASIONAL -TV1	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	MARDI TARGETS TO CREATE 800 HECTARES OF NEW CROP LAND IN FOUR YEARS, BERNAMA -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	KOS INPUT TERNAKAN ANTARA FAKTOR PENGARUHU HARGA AYAM, NASIONAL, BH -17 KPDNHEP BELUM GAGAL STABILKAN HARGA AYAM - ALEXANDER, BH -ONLINE MAKANAN TERNAKAN PENDORONG, LOKAL, HM -16 IKAN MASIH ADA WALAUPUN BEKALAN MULA BERKURANGAN, LOKAL, HM -18 REDAH AIR 'SELAMAT' UBI KAYU, LOKAL, HM -18 KOS INPUT TERNAKAN FAKTOR PENGARUHI HARGA AYAM, NASIONAL, SH -13 CHICKEN PRICE UPSETS MPs, NATION, THE STAR -8 URBAN FARMING HAVEN, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Input pertanian mahal, petani disaran guna baja, racun organik



NURULHISHAM Yaakob (tiga dari kiri) bergambar bersama wakil penerima sumbangan daripada pelbagai agensi barisan hadapan di Dewan 2020, Kangar, Perlis, hari ini. - FOTO/SYED AZLAN SAYID HIZAR

KANGAR: Petani dan pekebun harumanis di negeri ini disaran supaya menggunakan racun dan baja organik susulan kenaikan harga input pertanian yang melonjak tinggi di seluruh negara

sekali gus dapat mengurangkan penggunaan racun berasaskan bahan kimia.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, penggunaan baja dan racun organik boleh dijadikan alternatif buat masa ini susulan kenaikan harga input pertanian sehingga mencecah 60 peratus yang menjejaskan para petani apabila terpaksa menanggung kos tinggi.

Katanya, kenaikan yang berlaku itu berkemungkinan disebabkan wabak Covid-19 di mana pengeluar racun dan baja tidak dibenarkan beroperasi akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta ketiadaan bahan mentah untuk pengeluaran input pertanian itu.

“Buat masa sekarang, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang bekerjasama dengan pengimport input pertanian dari luar untuk mendapatkan bekalan.

“Masalah kenaikan harga ini dijangka berkurangan menjelang tahun hadapan sekiranya pandemik keadaan Covid-19 bertambah baik,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan Kempen Promosi Hasil Tanaman Ladang myGap dan Produk Industri Makanan sempena Program MAFI Prihatin peringkat negeri Perlis di Dewan 2020, di sini hari ini.

Sebagai rekod, myGAP adalah skim persijilan Amalan Pertanian Baik (APB) berkonsepkan mesra alam sekitar, menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja bagi menghasilkan produk berkualiti, selamat dan sesuai dimakan selain hasil pertanian mudah dikenali serta dapat bersaing di peringkat domestik dan antarabangsa.

Dalam program sama, Nurulhisham turut menyampaikan sumbangan kepada 500 penerima yang terdiri daripada anggota barisan hadapan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pengeluaran hasil harumanis tahun depan dijangka lewat manakala hasil tuaian pula dijangka bermula pada April tahun hadapan.

“Pengeluaran harumanis tahun hadapan bermula lewat sedikit berbanding tahun ini susulan perubahan cuaca tidak seperti diramalkan Jabatan Pertanian.

“Mengikut jangkaan Jabatan Pertanian, selepas habis musim hujan, tanaman tersebut akan mula mengeluarkan bunga pada penghujung Disember atau awal Januari tahun hadapan,” katanya. –
UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Larangan antibiotik jamin keselamatan makanan



Kualiti dan keselamatan makanan terjamin menerusi peraturan yang ketat. - Foto hiasan NSTP

IPOH: Larangan penggunaan enam antibiotik dalam makanan haiwan tidak menjejaskan pengeluaran makanan negara.

Sebaliknya, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor, berkata, larangan itu dapat meningkatkan aspek keselamatan makanan.

Beliau berkata, industri

penternakan banyak menggunakan antibiotik untuk kawalan penyakit.

"Jika tidak digunakan dengan betul boleh mengakibatkan kerintangan antibiotik kepada manusia apabila mereka menerima rawatan, terutama dalam penyakit tertentu.

"Sebenarnya (larangan) satu kebaikan," katanya kepada pemberita pada lawatan kerja Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di Institut Penyelidikan Veterinar Ipoh, di sini hari ini.

Dr Norlizan berkata, pengeluaran makanan akan ditingkatkan dari segi kuantiti tetapi pada masa yang sama, kualiti dan keselamatan terjamin.

Sebelum ini, katanya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan kerjasama Kementerian Kesihatan sudah menguat kuasa larangan antibiotik 'colistin' iaitu antara antibiotik yang digunakan dalam rawatan badan manusia.

"Selepas colistin, kita ada menguat kuasa enam lagi antibiotik, yang sekiranya mereka menggunakannya, boleh mengakibatkan kerintangan kepada rawatan untuk peringkat manusia.

"Kita kawal dari penggunaan makanan atau penggunaan rawatan yang kurang bijak pada peringkat ternakan," katanya.

Enam antibiotik itu ialah erythromycin, enrofloxacin, tylosin, ceftiofur, tetracycline dan fosfomycin yang biasanya digunakan sebagai penggalak tumbesaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Lembah Tenusu LMS jadi hab pengeluaran susu terbesar di Perak



Ronald (kiri) melawat makmal penyelidikan ketika mengadakan lawatan kerja ke Institut Penyelidikan Veterinar di Ipoh pada Khamis.

TAIPING - Lembah Tenusu Larut, Matang dan Selama (LMS) yang sedang dibangunkan seluas 480 hektar di Pondok Tanjung, di sini bakal menjadi hab pengeluaran susu terbesar di Perak.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, projek pembangunan itu melibatkan peruntukan berjumlah RM25 juta menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2023.

Menurutnya, sebaik Lembah Tenusu LMS berkenaan beroperasi sepenuhnya, ia dijangka berupaya mengeluarkan sehingga 13 juta liter susu segar yang menyumbang antara 19 hingga 20 peratus pengeluaran susu segar negara menjelang tahun 2025.

"Pembangunan Lembah Tenusu LMS di Pondok Tanjung ini juga akan membuka dimensi baharu di Taiping yang selama ini terkenal dengan nilai sejarah dan pelancongan.

"Ia sekaligus dapat merancakkan ekonomi penduduk setempat dengan 300 peluang pekerjaan baharu tersedia di ladang ternakan tenusu dan kilang pemprosesan susu. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia yang digagaskan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Perasmian dan Pecah Tanah, Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) Pondok Tanjung di sini pada Khamis.

Hadir sama pada majlis itu, Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria; Exco Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Perak, Mohd Akmal Kamarudin dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor.

Ronald berkata, menerusi projek ini, sembilan unit kandang tenusu moden dan kawasan tanaman rumput seluas 160 hektar turut dibangunkan dan TKPR Pondok Tanjung merupakan antara komponen utama.

Menurut beliau, pembangunan Lembah Tenusu LMS itu turut melibatkan sembilan penternak tenusu dari Perak yang menjadi vendor kepada ladang tenusu komersil dibangunkan oleh sebuah syarikat penternakan lembu tenusu terbesar negara.

"Pembangunan Lembah Tenusu LMS adalah sebahagian daripada Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara yang digariskan oleh DVS, selaras dengan matlamat Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) ke arah meningkatkan pengeluaran susu segar kepada Tahap Sara Diri (SSL) 100 peratus pada tahun 2025 bagi mengurangkan kebergantungan import.

"SSL susu segar dalam negara pada masa kini adalah sebanyak 62.4 peratus dengan nilai di ladang RM108.23 juta," katanya.

Beliau berkata, untuk rekod, penggunaan susu segar di Malaysia bagi tahun 2020 berjumlah 69.4 juta liter dan daripada jumlah tersebut, 43.3 juta liter dihasilkan dalam negara, sementara bakinya 26.1 juta liter diimport daripada negara-negara luar seperti Australia, New Zealand dan lain-lain negara.

Sementara itu, dalam majlis sama, Ronald turut menyampaikan sebanyak 200 bakul makanan kepada penternak yang terkesan akibat pandemik Covid-19 dari sembilan daerah di Perak, manakala Geran Pertanian Organik (Penternakan) bernilai RM400,000 pula diagihkan kepada lapan komuniti penternak organik yang melibatkan 32 orang peserta.

Setiap komuniti tersebut akan menerima menerima RM50,000 untuk Projek Ayam Piru Organik, Projek Arnab Organik dan Projek Ayam Kampung Organik.

Ronald sebelum itu melawat Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) di Ipoh yang merupakan sebuah institusi penyelidikan di bawah DVS berfungsi menjalankan penyelidikan berkaitan penyakit haiwan serta menjalankan diagnostik penyakit zoonotik haiwan.

VRI juga menjalankan penyelidikan berkaitan penyakit zoonotik haiwan menerusi jaringan kerjasama penyelidikan bersama Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam membangunkan nyahaktif vaksin Covid-19 tempatan.

Menerusi peruntukan RMK12, VRI akan terus menjalankan penyelidikan dalam membangunkan teknologi-teknologi diagnostik sejajar dengan perkembangan teknologi terkini mengikut piawaian antarabangsa.

Sidang Dewan Rakyat

Kos input ternakan antara faktor pengaruhi harga ayam

Kementerian dalam usaha selesa masalah kos operasi penternakan

Kuala Lumpur: Pemas harga ayam negeri akan stabil apabila kos operasi ternakan terkawal. Menteri Pertanian, Negeri dan Haiwan, Pengusaha (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nuno Jingga, berkata selain itu, harga ayam di pasaran turut akan stabil apabila kos operasi ternakan terkawal. Beliau berkata, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan.

Kemudian, usaha menstabilkan harga ayam negeri akan stabil apabila kos operasi ternakan terkawal. Menteri Pertanian, Negeri dan Haiwan, Pengusaha (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nuno Jingga, berkata selain itu, harga ayam di pasaran turut akan stabil apabila kos operasi ternakan terkawal. Beliau berkata, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan.



Alexander Nuno Jingga berkata, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan. Beliau berkata, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan.

van bekoman. Keadaan itu menunjukkan bahawa kos operasi ternakan terkawal. Menteri Pertanian, Negeri dan Haiwan, Pengusaha (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nuno Jingga, berkata selain itu, harga ayam di pasaran turut akan stabil apabila kos operasi ternakan terkawal. Beliau berkata, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan.

Beliau turut menjelaskan KPDNHEP sedang meneliti semua faktor - faktor itu bagi mencari jalan penyelesaian terbaik tanpa mengabaikan kepentingan pesembes ternakan. Beliau berkata, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan.



Larangan guna 6 antibiotik dalam makanan haiwan tingkat aspek keselamatan

Kon Veterinar Johor, di sini es-malam.

Dr Norzizan berkata, penggunaan antibiotik dalam makanan haiwan tidak boleh mengancam keselamatan manusia. Beliau berkata, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan, beliau menantikan diwujudkan.

Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Seri Dr Syed Hussain Alirudin (tengah), mengiringi Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Ahmad Maszuzal, Muhammad (tiga dari kiri) ketika lawatan di Balai Berita, NSTP di Bangsar, semalam. (Foto: Awani/Ally99)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2021	BERITA NASIONAL	TV1	

FAMA TERENGGANU GUARANTEES SUFFICIENT RAW MATERIALS



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

MARDI targets to create 800 hectares of new crop land in four years



KUALA LUMPUR, Nov 11 -- The Malaysian Agricultural Research and Development Institute is targetting to plant some 800 hectares worth of new crops nationwide with fruit plants like the MDUR88 durians, the Bintang Mas star fruits, and Liberica coffee under its 'Mardi Pilot Project' beginning next year until 2025.

In a statement, MARDI said they planned to launch at least 10 pilot projects a year, and those interested to participate could register themselves at state MARDI offices.

"The MARDI Pilot Project is a technology transfer programme to farmers. It is aimed at helping them to improve their income under the seed planting programme using varieties and MARDI's crop technology based on its research results," said the statement.

Meanwhile, MARDI said it had held a ceremony to hand over tree seedlings and machinery to participants of the Pilot Project in Melaka, as well as Projek Rezeki Tani (Farmer's Sustenance Project) in Kampung Serkam and Pekan Sungai Rambai in Jasin, Melaka.

During the ceremony, Pilot Project participant Zakaria Abu Bakar received MDUE-88 and D-99 durian tree seedlings while Projek Rezeki Tani participant Abdul Ghafar Abdullah, who is a 'cendol' maker, received a food processing machine for the purpose.

The event was officiated by Agriculture and Food Industries Deputy Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah. MARDI director-general Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani was also present

Programme Rezeki Tani was initially known as Projek Azam Tani until it was rebranded in 2019. The programme was designed to help in the eradication of poverty and to boost income, coordinated by the Food Industries and Agro-Based Division under the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI).

"The objective of the programme is to assist participants to improve their income through the provision of economic project assistance involving activities such as production, processing, distribution, agriculture-related marketing, breeding and fisheries," said the statement.

The programme is also aimed at improving the knowledge, skills and competitiveness of participants through training, as well as identifying participants with potential to head to the next level.

The statement added that participants who were chosen for both projects must be prepared to be tutored, guided and trained following the standard operating procedure as determined by MARDI from time to time in an effort to ensure that the products reached the optimum standard.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

KPDNHEP belum gagal stabilkan harga ayam - Alexander



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi ketika menjawab soalan pada Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 di Parlimen hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menafikan dakwaan bahawa mereka gagal menyelesaikan harga ayam

menyebabkan harga sumber protein itu di pasaran negara ini terus meningkat.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, usaha menstabilkan kembali harga ayam tidak gagal cuma belum sampai ke tahap memuaskan berikutan masalah kos operasi penternak belum dapat diselesaikan.

Beliau menjelaskan bahawa jika kos operasi di peringkat penternak dapat diselesaikan maka harga di peringkat borong dan runcit dapat dikurangkan.

"Kementerian sudah pun mengajukan masalah kos operasi kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Kementerian komited dan memberi jaminan memberi keutamaan untuk menyelesaikan masalah ini dan kami tidak gagal dalam usaha turunkan harga ayam," katanya menjawab soalan tambahan Hasan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) mengapa isu harga ayam masih tidak dapat dipulihkan di Dewan Rakyat, hari ini.

Alexander menjelaskan pihak persatuan mewakili penternak ayam ada mencadangkan supaya pinjaman mudah diberikan kepada mereka berikutan peningkatan kos operasi terutama bahan makanan bagi ternakan.

"Mereka juga memberi pandangan bahawa pemberian subsidi bagi import bahan makanan ternakan masih tidak dapat menyelesaikan masalah peningkatan operasi itu.

"Ini kerana kos yang meningkat bukan saja membabitkan harga makanan ternakan tetapi kos lain seperti kekurangan pekerja asing dan kesan pandemik COVID-19," katanya.

Terdahulu menjawab soalan lisan Rusnah Aluai (PH-Tangga Batu) mengenai usaha dan perancangan kementerian untuk menurunkan harga runcit ayam, Alexander berkata, paras harga ayam secara umumnya dipengaruhi oleh banyak faktor.

Antaranya, kos input ternakan khususnya komponen makanan yang diimport seperti kacang soya dan jagung yang turut dipengaruhi oleh kadar pertukaran asing serta harga pasaran dunia.

"KPDNHEP secara proaktifnyasentiasa menjalankan perbincangan secara berterusan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi memastikan kestabilan harga ayam supaya ia tidak membebankan pengusaha dan pengguna.

"Dalam suasana sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan yang sudah dibuka, harga ayam ini turut dipengaruhi keadaan permintaan dan penawaran.

"Apabila meningkatnya permintaan dari pasaran, penawaran masih lagi berada dalam fasa untuk adaptasi kepada permintaan berkenaan. Keadaan ini menyebabkan ketidakseimbangan dalam pasaran," katanya.

Beliau turut menjelaskan KPDNHEP sedang meneliti semua faktor – faktor ini bagi mencari jalan penyelesaian terbaik tanpa menjejaskan kepentingan peniaga dan pengguna melalui beberapa kaedah.

Antara yang sudah dilaksanakan adalah pemeriksaan dan pemantauan menyeluruh lebih 1,000 Pegawai Pemantau Harga serta 2,200 Pegawai Penguat kuasa di peringkat pemborong dan peruncit supaya tiada aktiviti pencatutan harga dan kekal menjalankan perniagaan secara beretika di seluruh negara.

Tindakan seterusnya, kata beliau pengeluaran Notis Pengesahan Maklumat Barangan(NPMB) di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kepada pengeluar dan pemborong ayam untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan kenaikan harga ayam di peringkat peruncit.

"Pendekatan seterusnya adalah pengeluaran Surat Pemberitahuan kepada setiaprantaian peniaga ayam seperti penternak, pemborong dan peruncit untuk membuat semakan harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin keuntungan yang lebih munasabah.

"Pemeriksaan peniaga dari aspek Pematuhan di bawah Seksyen 53(A) kepada peniaga untuk membuktikan kos operasi perniagaan yang terbabit dalam bentuk dokumen.

"Turut ditubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi menangani isu kenaikan harga ayam di pasaran secara terus ke kawasan yang terbabit dengan aduan kenaikan harga," katanya dan memaklumkan sesi libat urus bersama penternak dan peladang ayam juga sudah dilaksanakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2021	HARIAN METRO	LOKAL	16



Rezeki ternak Boer

Makanan ternakan pendorong

Kuala Lumpur: Paras harga ayam secara umumnya dipengaruhi banyak faktor termasuk kos input ternakan khususnya komponen makanan yang diimport seperti kacang soya dan jagung yang turut mempengaruhi kadar pertukaran asing serta harga pasaran dunia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Da-

tuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, selain itu harga ayam di pasaran turut dipengaruhi permintaan dan penawaran dalam keadaan sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan mula dibuka.

"Apabila meningkatnya permintaan dari pasaran, penawaran masih lagi berada dalam fasa untuk adaptasi kepada permintaan berkemampuan," katanya.

SEBAHAGIAN anak kambing yang dipelihara pesara tentera Mohd Yusoff Mohamad yang diberi susu botol bagi memastikan tumbesaran anak kambing tidak terganggu ketika ditemui di Kampung Telaga Ara Gunung Bachok. Bermula dengan menternak lapan kambing kacukan jenis Boer sejak tiga tahun lalu hanya bermodal sekitar RM1,800 ternyata memberi pulangan lumayan apabila beliau mampu peroleh keuntungan sehingga melebihi RM1,200 sehingga RM1,500 bagi seekor kambing yang dijual.

12/11/2021

HARIAN

LOKAL

18

METRO



Nik Azli (kiri) melayan pelanggan di Pasar Tok Guru Cabang Tiga, Pengkalan Chepa. (Pengkalan Chepa)

Ikan masih ada walaupun bekalan mula berkurangan

Kota Bharu: "Sejak tiga hari lalu, beberapa jenis ikan seperti ikan selar dijual lebih murah disebabkan terdapat lambakan.

"Bagaimanapun, bekalan sotong pula sudah lebih seminggu tidak diperolehi daripada pembekal disebabkan ikan tidak ada bekalan manakala udang yang diperolehi terpaksa dihadkan bekalan mengalamai masalah kekurangan bekalan.

"Dijangkakan dalam tempoh seminggu atau dua minggu lagi bekalan ikan akan sedikit terjejas disebabkan keadaan laut bergelora sekali gus nelayan tidak dapat turun ke laut dan pada ketika itu hanya ikan sejuk beku sahaja yang dijual," katanya.

Tinjauan yang dilakukan Nik Azli Nik Hassan, 44. Menurutnya, peralihan Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh sedikit sebanyak menjejaskan pengeluaran bekalan ikan disebabkan nelayan tidak dapat keluar ke laut menangkap ikan.

"Hampir setiap hari saya mengambil bekalan ikan daripada pembekal di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong untuk menampung keperluan pengguna namun pada minggu

di Pasar Tok Guru Cabang Tiga, Pengkalan Chepa pula mendapati keperluan barangan basah terutama bekalan ikan masih lagi mencukupi untuk menampung keperluan pengguna selain harganya juga stabil.

Peniaga ikan di pasar itu, Mek Yah Abdullah, 54, berkata, pengguna dinasihatkan tidak membimbang atau membuat pembelian panik kerana setakat ini bekalan ikan masih mencukupi.

"Walaupun berlaku peralihan Monsun Timur Laut bermula November namun itu tidak bermakna bekalan ikan terputus terus, sebaliknya ia hanya akan menyebabkan kekurangan bekalan sahaja," katanya.



OMAR menunjukkan ubi kayu yang 'diselamatkan' di kebunnya.

Redah air 'selamat' ubi kayu

Tumpat: Hujan lebat sejak Selasa lalu menyebabkan sepasang suami isteri dari Kampung Sedar di sini meladahkan air untuk 'menyelamatkan' ubi kayu di kebun mereka.

Kerja menggali ubi kayu dilakukan Rohana Mohd Noor, 50, dan suaminya, Omar Chik, 56, dengan dibantu anak saudara serta seorang pekerja di tanah seluas 0.4 meter di Kampung Bunut Sarang Burung, Wakaf Bharu di sini.

Rohana berkata, mereka mula kerja menggali jam 11.30 pagi kelmarin memandangkan hujan agak lebat manakala semalam dimulakan lebih awal kerana bimbang kebun akan ditenggelami air sekali gus mengelakkan kerugian.

"Selain sudah ada pembeli yang borong, ubi kayu ini juga kami jual secara terus kepada orang ramai datang di samping memprosesnya menjadi debu untuk pembuatan putu balba yang dijual pada harga RM4 seki-logram," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Rohana berkata, dia menjual ubi kayunya dengan harga RM1.50 seki-logram kelmarin manakala

semalam turun kepada RM1 sekilogram kerana ingin segera menghabiskan jualan.

"Kerja menggali ubi ini akan kami buat setiap pagi dan petang kerana apa yang penting semua ubi kayu ini perlu diselamatkan segera bagi mengelakkan kerugian disebabkan menjadi buruk," katanya yang sebelum ini mengusahakan tanaman jagung di tanah itu.

Seorang penjual buah, Northayati Baharudin, 38, yang ketetulan ternampak kerja menggali ubi kayu yang sedang dilakukan Rohana segera menghentikan kenderaannya untuk membeli makanan ruji musim tengkujuh itu.

Kos input ternakan faktor pengaruhi harga ayam

KUALA LUMPUR - Paras harga ayam secara umumnya dipengaruhi banyak faktor termasuk kos input ternakan khususnya komponen makanan yang diimport seperti kacang soya dan jagung yang turut dipengaruhi kadar pertukaran asing serta harga pasaran dunia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, selain itu harga ayam di pasaran turut

dipengaruhi permintaan dan penawaran dalam keadaan sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan telah dibuka.

“Apabila meningkatnya permintaan dari pasaran, penawaran masih lagi berada dalam fasa untuk adaptasi kepada permintaan berkenaan. Keadaan ini menyebabkan ketidakseimbangan dalam permintaan dan penawaran,” katanya menjawab soalan **Rusnah Aluai (PH-Tangga Batu)** di Dewan Rakyat pada Khamis. - *Bernama*

Chicken price upsets MPs

Insist stabilisation action be taken, 'excuses' not acceptable

A WAR of words over the high price of chicken broke out in Dewan Rakyat.

The heated exchange happened when Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi was explaining the reasons behind the high cost of chicken and was then accused of giving "excuses" by Khalid Samad (PH-Shah Alam).

"Previously, under the Pakatan Harapan administration, these people were the ones making the most noise, yet now they are giving so many excuses," Khalid said as he stood up to interject Nanta in Dewan Rakyat yesterday.

Nanta, annoyed at Khalid's outburst, said he would not proceed with his explanation if there was continued interruption.

"Okay, if you don't want to listen, I'll stop here. Why ask if you don't want an explanation?" Nanta said.

Khalid retorted, saying that when Nanta and his colleagues were previously in the Opposition, they took every opportunity to "whack" the then Pakatan administration.

Nanta reminded Khalid that he was merely replying to the question of high chicken prices raised by Rusnah Aluai (PH-Tangga Batu).

"YB Tangga Batu asked and I am giving an explanation. What is wrong? If you're not satisfied with the explanation, it's all right. If that's the

er there were cheaper protein alternatives for the rakyat.

Nanta explained that certain price factors were beyond the government's control.

He said this was because almost 100% of the chicken feed was imported.

The cost, he added, depended on other factors such as climate and supply, due to high demand from China.

He said his ministry has set up special squads to investigate complaints of higher chicken prices.

He also said the government is mulling a proposal to provide soft loans to businesses affected by higher operating cost in order to stabilise chicken price.

In September, Nanta said the price of chicken might be controlled if prices at every level of the distribution chain continued to face unreasonable increases.

In September this year, the national average standard chicken (cleaned) price was RM8.83 per kg, with the price steadily rising.

case, I'll stop here then," he added before sitting down to end his reply.

Deputy Speaker Datuk Mohd Rashid Hadnon intervened and ordered the two men to stop the argument and allow Nanta to proceed with his answer.

Earlier, Rusnah asked if it was possible to stabilise the chicken price to RM5.99 per kg as was done during Pakatan's administration, or wheth-



Watch the video
TheStarTV.com

Urban farming haven

➤ Green plot near city centre allows community members to plant vegetables, mingle and relax

BY ALISHA NUR MOHD NOOR
newsdesk@thesundaily.com

IN a little enclave not far from the Kuala Lumpur city centre, there is a hive of activity daily.

Armed with hoes, watering cans and shears, several individuals are busy planting, weeding and watering a vegetable patch.

Within the same compound, others are collecting and sorting out old items to be reused or recycled.

This little gem is the Tzu Chi Taman Desa Recycle Collection Centre, a humble environmental resource centre complete with its own backyard garden.

The exterior is nothing impressive but within the fenced up compound is a community-empowered memory bank of thousands of stories and lasting impressions as well as a green haven for local residents.

Francis Tan, a 58-year-old volunteer who serves as the station master of the recycling centre, said it has attracted everyone from students, police officers and retirees to those who wish to seek solace from the stress of being cooped up at home by the Covid-19 lockdown.

In fact, it was the pandemic that had prompted Tan and fellow volunteers from Tzu

Chi, a Buddhist relief organisation, to create the little refuge for city folk.

"It was during the lockdown in August last year when we hit upon the idea of starting a backyard garden," Tan told *theSun*.

He recounted that many who first viewed the muddy landscape thought the project was doomed to fail, but thanks to the interest of the local community, the effort quickly bore fruit.

Today, the garden has become a source of a variety of vegetables. Every volunteer plants what he fancies, making the garden a hodgepodge of local greens.

"We reap what we sow and the extras are donated to the local community here," Tan said.

But for many of the regulars, the garden serves as more than just a source of food.

For 65-year-old former bank employee Agatha Saw and her husband, it has become a place for them to escape the stress of city life.

Saw said she discovered the garden one day while walking home to her condominium nearby after a trip out for groceries.

"I was amazed by the friendly vibes that exuded from the volunteers and participants. Now, it has become a place where my husband and I go to when we need to get a break.

"Living in a high-rise does not give us many

options. There is no room for gardening, so this is just great for us," she said, adding that the gardening activities have become a daily exercise routine for them.

Tan said many people, particularly retirees, have found the centre an ideal escape from being cooped up in their apartments because of the lockdown.

"They have made new friends and are exchanging knowledge about gardening and other matters. They have found a purpose in life again, and that is liberating."

One cannot help but find a sense of peace just by strolling between plots of vegetables. Tan said each participant would use their own resources and ingenuity to get their individual plots of greens to thrive.

The centre also doubles up as a collection centre for used items that can be reused or recycled as well as an education centre for those who want to learn more about gardening.

Tan's wife, who serves as the coordinator, ensures that the place is properly maintained and there is enough room for all.

Unfortunately, all good things must come to an end. The land has been acquired by a property developer and earmarked for a new project.

"We will have to relocate soon. It is sad to see that all our efforts will go to waste," Tan lamented.

The group is hoping to find an alternative site with the help of Kuala Lumpur City Hall to ensure that the participants can continue with their activities.



Tan at the entrance to the Taman Desa Recycle Collection Centre. — AMIRUL SYAFIQ/THESUN